

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 DECEMBER 2016

NASIB PPBM DALAM PEMBANGKANG

Um - 20/12/2016



SEPERTI diduga walaupun tidak sampai seminggu menandatangani memorandum persefahaman Pakatan Harapan yang diketuai DAP mula dibelenggu oleh dua isu utama iaitu pembahagian kerusi dan siapa bakal menjadi Perdana Menteri jika pembangkang menguasai Putrajaya.

PKR Selangor sudah awal-awal lagi meminta supaya sekutu baharu pembangkang, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan PAN tidak bertanding di Selangor dan Pulau Pinang manakala Penasihat DAP, Lim Kit Siang pula menyatakan apa pun yang berlaku Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap akan menjadi Perdana Menteri kalau pembangkang memerintah.

Sikap PKR Selangor dan kenyataan Kit Siang memberi isyarat awal kepada PPBM bahawa mereka hanya diterima untuk menjalin persefahaman untuk memenuhi impian pembangkang supaya wujud pertembungan satu lawan satu dengan Barisan Nasional (BN), soal lain seperti pembahagian kerusi dan siapa Perdana Menteri bukan hak PPBM menentukannya.

Sebab itulah, apabila Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin merayu supaya parti itu diberikan kerusi dalam pilihan raya nanti, ia dianggap tindakan gelojoh oleh setengah pemimpin pembangkang kerana awal-awal lagi sudah mahu kerusi sedangkan PPBM baru sahaja menjalin kerjasama dengan Pakatan Harapan diketuai DAP.

Terbuktilah kehadiran PPBM dalam pembangkang kini ibarat 'melukut di tepi gantang'. Kehebatan PPBM yang dicetuskan penubuhannya oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dipimpin oleh Muhyiddin yang adalah bekas Timbalan Perdana Menteri dan dibantu



KALAU benar kehadiran PPBM dihargai kenapakah Muhyiddin Yassin hanya disenaraikan sebagai 'Timbalan Perdana Menteri sementara', jika pembangkang memerintah? - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

oleh bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir bagaikan 'dipandang sebelah mata' oleh parti pembangkang lain. Mereka melihat kehadiran PPBM tidak ubah 'ada pun tak untung, tak ada pun tak rugi', sebab itulah awal-awal lagi mereka tidak begitu teruja dengan PPBM. Yang bagaikan 'hidung tak mancung pipi tersorong-sorong' ialah PPBM.

Bagaimanapun kesediaan PPBM untuk bekerjasama dengan pembangkang diterima secara terbuka kerana agenda tersiratnya adalah akan memudahkan lagi pembangkang mencapai kejayaan dalam pilihan raya apabila berlaku pertembungan satu lawan satu. Lagipun mereka melihat kononnya PPBM boleh digunakan bagi memujuk Pas untuk bersama pakatan pembangkang.

Tetapi pemimpin-pemimpin PPBM sengaja melupakan agenda di sebalik penerimaan kerjasama mereka dengan parti-parti pembangkang. Sebab itulah, nasib PPBM tidak akan ubah seperti mana dialami Pas sebelum ini. PPBM akan diperalatkan untuk memecah belah undi orang Melayu dan akhirnya akan memberi keuntungan kepada parti-parti

pembangkang lain khususnya DAP.

Kalaulah benar kehadiran PPBM dihargai kenapakah Muhyiddin hanya disenaraikan sebagai 'Timbalan Perdana Menteri sementara', jika pembangkang memerintah? Adakah itu bermakna pemimpin-pemimpin PKR dan DAP sememangnya tidak mempercayai PPBM?

Sebenarnya, pemimpin-pemimpin pembangkang seperti PKR, DAP dan PAN amat memahami yang berada dalam keadaan terdesak untuk melunaskan dendam politik kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ialah PPBM. Oleh itu mereka tidak perlu bersusah payah melayani kehendak politik PPBM sebaliknya PPBM perlu menuruti segala perancangan politik mereka.

Jika PPBM benar-benar berprinsip sudah pasti mereka akan menentang perancangan awal pembangkang untuk meletakkan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai Perdana Menteri sementara sebelum digantikan oleh Anwar yang diharapkan akan mendapat pengampunan manakala Muhyiddin sendiri sekadar 'Timbalan Perdana Menteri sementara'.

Walaupun semua perancangan ini hanya akan dilaksanakan jika pakatan pembangkang memenangi pilihan raya tetapi ia membuktikan pakatan tersebut sekali lagi mahu mempermainkan demokrasi seperti mana yang pernah mereka lakukan di Parlimen Permatang Pauh dan Dewan Undangan Negeri Kajang sebelum ini.

Bagaimanapun penulis percaya PPBM tidak akan mempunyai keberanian untuk menyanggah apa juga perancangan politik pakatan pembangkang. Parti itu tidak ada apa-apa kekuatan selain daripada mengharapkan pengaruh Dr. Mahathir untuk menang dalam pilihan raya. Tambahan pula walaupun PPBM bersuara, adakah PKR dan DAP akan ambil berat? Atau sekadar masuk telinga kanan, keluar telinga kiri?

Lagipun kenapa perlu PKR dan DAP mendengar pandangan politik PPBM sedangkan parti itu sendiri hanyalah sekadar sebuah parti serpihan yang usianya tidak sampai setahun. Oleh itu, dalam soal perebutan kerusi antara parti pembangkang yang akhirnya akan rugi adalah PPBM.

PKR dan DAP sama sekali tidak akan membenarkan PPBM menjadi 'taiko' atau 'abang besar' dalam pembangkang biarpun Dr. Mahathir yang mengasaskan kewujudan PPBM. Akhirnya pembahagian kerusi dalam pakatan pembangkang akan lebih banyak menyebelahi PKR, DAP dan PAN manakala kerusi yang diberikan kepada PPBM pula ibarat 'lepas batuk di tangga sahaja' - dalam bahasa kasar sekadar buat syarat.

Sememangnya menarik untuk melihat kesudahan episod pembahagian kerusi dan siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri dalam pembangkang, tetapi pusing macam mana pun, hitung dari arah mana sekalipun yang tetap akan untung adalah DAP dan PKR manakala PPBM pula perlu bersedia untuk mencatat nama sebagai 'lebai malang, menang sorak kampung tergedai.'